



LEMBAGA GETAH MALAYSIA

Malaysian Rubber Board

Ibu Pejabat Lembaga : Tingkat 18, Bangunan Getah Asli (Menara),
148, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia.
Peti Surat 10150, 50908 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel : +60(0)3 9206 2000 Fax : +60(0)3 2163 4492
Email : general@lgm.gov.my Website : http://www.lgm.gov.my

Ruj. Kami / Our Ref: LGM/KP/PKP/2021-86

12 Januari 2021

Semua Pemegang Lesen dan Permit LGM

Tuan/Puan,

SURAT KEBENARAN PERJALANAN BAGI TUJUAN MENJALANKAN AKTIVITI INDUSTRI GETAH DAN RANTAIANNYA SEMASA TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) PADA 13 – 26 JANUARI 2021

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) bermula pada **13 hingga 26 Januari 2021** seperti berikut:

- i. **PKP** - Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan), Melaka, Johor dan Sabah.
- ii. **PKPB** - Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Kelantan.
- iii. **PKPP** - Perlis dan Sarawak

3. Berikutan dengan pengumuman tersebut, kegiatan sektor perladangan dan komoditi **termasuk aktiviti industri getah dan rantaianya** adalah dibenarkan beroperasi namun perlu mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

4. Sehubungan itu, bagi tujuan perjalanan keluar dan masuk dari atau ke negeri-negeri yang dilaksanakan PKP/PKPB/PKPP, pemegang lesen dan permit LGM boleh menunjukkan surat ini kepada pihak berkuasa (PDRM/Tentera/Pihak Berkuasa yang berkaitan) bagi tujuan kebenaran menjalankan aktiviti industri getah dan rantaianya. Di samping itu, pemegang lesen dan permit LGM juga dikehendaki menunjukkan salinan lesen/permit ataupun sebarang dokumen berkaitan yang dimiliki kepada pihak berkuasa berkenaan.

5. Pemegang lesen dan permit LGM diminta untuk memberi kerjasama dan mematuhi segala arahan dan SOP yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh MKN sepanjang tempoh PKP/PKPB/PKPP.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Kreatif, Inovatif, Progresif”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' DR ZAIROSSANI BIN MOHD NOR)

Ketua Pengarah

s.k Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)

ALAMAT PUSAT-PUSAT PENYELIDIKAN/RESEARCH CENTRE

260, Jalan Ampang
50450 Kuala Lumpur
Peti Surat 10150
50908 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel : +60(03) 9206 2000

Lembaga Getah Malaysia, 47000 Sg. Buloh
Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : +60(0)3 6145 9400
Faks : +60(0)3 6156 3299
Emel : general@lgm.gov.my

Tun Abdul Razak Research Centre, Brickendonbury
Hertford SG 13 8NL, United Kingdom.
Tel : +44(0) 1992 584966
Faks : +44(0) 1992 554837
Emel : general@tarrc.tcom.co.uk